

# Tidak mustahil kanak-kanak Malaysia direkrut

NILAI - Polis Diraja Malaysia (PDRM) belum dapat mengesahkan terdapat usaha kumpulan militan IS merekrut kanak-kanak dari negara ini menjalani latihan ketenteraan di Syria.

Bagaimanapun, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Counter Terrorism Cawangan Khas PDRM Bukit Aman, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, perkara itu bukanlah sesuatu yang mustahil.

"Memang ada golongan kanak-kanak Malaysia yang kini berada di Syria mengikut keluarga mereka yang berhijrah ke negara itu. Ada kanak-kanak yang berusia 4 bulan, 5 bulan, 6 tahun dan 12 tahun.

"Semua mereka dibawa keluarga masing-masing, namun sama ada golongan kanak-kanak itu direkrut sebagai rekrut muda IS, kita tidak dapat sahkan lagi.

"Jika ada sekali pun, saya tidak terkejut sebab mereka sudah berada di



**Ayob Khan (tengah) pada sidang media selepas program Bicara Eksekutif - Ancaman Gerakan IS di Usim, semalam.**

Syria, di mana di sana mempunyai sebuah kem dan usaha merekrut kanak-kanak bukanlah benda baru di sana," katanya.

Beliau berkata, walaupun polis sudah menahan 72 orang yang disyaki terbabit dalam IS setakat ini, namun ia tidak menampakkan sebarang pengurangan, sebaliknya dipercayai semakin bertambah.

Malah, katanya, polis mengenali pasti ramai lagi rakyat Malaysia merancang untuk berhijrah ke Syria.

"Rekod terbaru, kita dapat kesan cubaan sebuah keluarga yang ingin berhijrah ke negara

Islam yang kononnya mendakwa Malaysia bukan negara Islam.

"Itu konsep yang diuar-uarkan IS bagi mempengaruhi rakyat beragama Islam seluruh dunia supaya berhijrah," katanya kepada media selepas program Bicara Eksekutif - Ancaman Gerakan IS di Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pengarah Usim, Prof Tan Sri Datuk Dr Abdul Shukor Husin dan Naib Canselor Usim, Prof Datuk Dr Musa Ahmad.